

DERITA

PENJARA

TANPA BICARA

Kisah Kekejaman Akta Zalim


45092
CAA

SAARI SUNGIB

**DERITA
PENJARA
TANPA BICARA**

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmuan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.



DERITA PENJARA TANPA BICARA

Kisah Kekejaman Akta Zalim

SAARI SUNGIB

PUSTAKA PERDANA



1010583

Strategic Information and Research Development Centre,
Selangor, Malaysia



Hakcipta © 2014 Saari Sungib

Diterbitkan pada tahun 2014 oleh
 Strategic Information and Research Development Centre
 No 11, Lorong 11/4E, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
 Email: gerak@gerakbudaya.com
 Website: www.gerakbudaya.com

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in-Publication Data

Saari Sungib, 1957-

DERITA PENJARA TANPA BICARA: Kisah Kekejaman Akta Zalim /
 Saari Sungib.

1. Political prisoners—Malaysia. 2. Internal Security—Malaysia.

I. Judul.

365.45092

ISBN 978-967-0630-19-9

Atur huruf dan pereka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd
 2, Jalan Meranti Permai 1,
 Meranti Permai Industrial Park,
 Batu 15, Jalan Puchong,
 47100 Puchong, Selangor, Malaysia.



365.45092
 SAA

KANDUNGAN

<i>Kata Aluan Dr Syed Husin Ali</i>	vii
<i>Prakata Penulis</i>	xi
<i>Glosari</i>	xiv
1 Mengimbau Kezaliman ISA	1
2 Dera dengan Mencarut	5
3 Merasa Diri Kerdil	9
4 Melawan Itu Manis	14
5 Mimpi dan Puisi	20
6 Tiga Jenis Hakim	28
7 Tarbiyah Dari Penjara	35
8 Londeh Seluar	39
9 Patahkan Semangat	44
10 Aneka Teknik	47
11 Kem Kamunting	50
12 Perjuangan Tahi Kucing	55
13 Kata Putus Dari Putrajaya	59
14 Manipulasi Psikologi	64
15 Komprehensif Zalim	68
16 Instrumen Penyeksaan	74
17 <i>Big Picture</i>	79

18	Warisan British	83
19	Polis Politik	88
20	Jenayah Politik	93
21	Konspirasi Politik	98
22	Ikut Skrip	103
23	<i>Tiger Show</i>	108
24	PRC dan Abu Gharaib	113
25	<i>No Damn Right</i>	118
26	Kuasai Keadaan	123
27	<i>Rapid Fire</i>	128
28	Teknik CIA	133
29	Guantanamo Bay	138
30	Lagi Guantanamo Bay	143
31	<i>We Know All</i>	148
32	<i>Repetition Approach</i>	152
33	<i>Mutt and Jeff</i>	157
34	Tapol Kem Kamunting	161
35	Tapol yang Daie	164
36	Meluaskan Pembacaan	169
37	Kekuatan Fizikal	176
38	Medan Lonjakkan Perjuangan	182
39	Sokongan Keluarga	191
40	Penegasan	195

KATA ALUAN

DR SYED HUSIN ALI

Saari Sungib adalah seorang penulis yang sangat prolifik. Beliau telah menulis hampir 60 buah buku, suatu kejayaan yang susah untuk ditandingi. Buku-buku karangannya beraneka jenis.

Kita boleh mengkategorikan buku-buku tulisan Saari kepada tiga jenis, iaitu: berkaitan agama, tentang ISA serta pengalaman tahanan dan mengenai panduan gerak kerja pilihanraya.

Antara 1980 hingga 1999, semasa belajar di England dan kemudian memimpin Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) beliau menerbitkan 27 buah buku berkaitan agama, walaupun tidak sepenuhnya berbentuk agama, seperti soal-soal usrah, dakwah, islah dan reformasi dalam masyarakat.

Beliau ditahan dua kali di bawah ISA, antara 1998 hingga 2003, akibat keterlibatannya yang aktif dalam gerakan Reformasi yang tertetus berikutan penyingkiran Anwar Ibrahim serta kezaliman yang dilakukan ke atasnya dan penghinaan ke atas keluarganya.

Semasa dalam tahanan Saari menulis dan menerbitkan 12 buah buku mengenai ISA dan tahanan di bawah undang-undang zalim itu dalam siri “Suara Dari Kamunting” dan siri “Mansuhkan ISA”. Yang mengkagumkan sekali ialah beliau menyiapkan lima jilid yang dibentangkan sebagai representasi kepada Lembaga Penasihat.

Dua jilid yang dibentangkan kepada Lembaga itu tiga bulan selepas beliau ditahan, dibenarkan oleh Pengerusi badan itu untuk dibaca sepenuhnya. Kemudian beliau menerbitkannya sebagai dua buah buku. Tiga jilid ditulisnya untuk pertemuan kedua dengan Lembaga yang sama, akan tetapi hanya diserahkan melalui peguamnya.

Kali ini beliau tidak menemui Lembaga Penasihat kerana

membantah tindakan pihak Penguasa Kem Kamunting tidak memulangkan naskah disiapkannya, yang diambil pihak berkuasa untuk disemak. Namun tiga jilid ini, yang dikemukakan kepada Lembaga itu untuk menjawab kezaliman penahanannya telah diterbitkan juga untuk tatapan umum. Tidak tahulah bagaimana Saari dapat memboloskan tulisan-tulisannya melalui tembok batu dan pagar berduri kem supaya dicetak.

Selepas bebas, Saari menerbitkan lapan buah monograf untuk menjawab pelbagai aspek daripada ISA. Ada daripadanya yang menghujahkan bahawa ISA itu bukan saja zalim bahkan bertentangan dengan ajaran Islam. Walaupun dikemukakan kepada raja-raja dan Majlis Fatwa, namun beliau tidak menerima jawapan.

Dalam pada itu Saari telah melibatkan diri dalam politik, dengan menjadi anggota PAS sehingga menyandang jawatan sebagai Ketua Penerangan PAS Negeri Selangor. Semasa itu beliau menulis sembilan buah buku, kebanyakannya merupakan panduan untuk gerak kerja pilihanraya.

Pada tahun 2008 Saari bertanding dalam Pilihanraya ke-12 di peringkat Dewan Negeri Selangor dan menang. Pada tahun 2013 beliau bertanding sekali lagi dan berjaya mempertahankan kedudukannya sebagai Ahli Dewan Negeri bagi penggal kedua.

Tugas sebagai Ahli Dewan Negeri memang berat. Akan tetapi, dengan kegigihan yang sentiasa dibuktikannya, Saari terus menulis buku. Setahu saya beliau berjaya menulis dua buah buku yang berkaitan dengan tahanan di bawah ISA, iaitu “Sengsara Kem Kamunting” dan “Derita Penjara Tanpa Bicara”.

Buku yang pertama telah diterbitkan pada tahun 2011. Yang kedua pula, semasa Pengenalan ini ditulis sedang dalam proses persediaan untuk dicetak. Tidak lama lagi Insyā'Allah akan dapat ditatap oleh pembaca.

“Sengsara Kem Kamunting”, sebagaimana dijelaskan oleh tajuk kecilnya ialah “Kisah Hidup Dalam Penjara ISA”. Dalam “Sengsara” ini Saari meriwayatkan dengan panjang lebar segala pengalamannya sendiri dan juga bersama teman-teman setahanan, iaitu Hishamuddin Rais, Tian Chua, Dr Badrul Amin, Ezam dan Lokman, dari mula sampai ke Kamunting sehingga mereka mogok lapar kira-kira setahun kemudian.

Dalam buku “Derita Penjara Tanpa Bicara” pula, tumpuannya adalah berlainan, seperti dibayangkan oleh tajuk kecilnya, iaitu “Kisah Kekejaman Akta Zalim”. Saari menumpukan terutama sekali kepada perkara-perkara berikut:

- a) Refleksi tentang kezaliman dan bagaimana Islam menanganinya;
- b) Proses tahanan ISA, kesan dan tujuan yang hendak dicapai serta peranan SB;
- c) Soal-soal berkaitan politik yang ditekankan oleh SB seperti: perpaduan Melayu, kad pengenalan palsu untuk pendatang Filipina, fitnah terhadap Anwar Ibrahim; cerita-cerita dan perbuatan-perbuatan lucu;
- d) Nasihat-nasihat dan peringatan terhadap SB, teknik-teknik soal-siasat mereka, perbezaan tahanan Guantanamo dengan ISA; dan
- e) Panduan-panduan bagi tahanan politik.

Perkara (a) di atas memberikan refleksi yang menarik dan pemahaman yang mendalam tentang kezaliman dan bagaimana Islam menanganinya. Jadi jelas apakah pandangan Islam terhadap undang-undang yang zalim seperti ISA.

Mengenai perkara (b) pula, dijelaskan terutama sekali proses penahanan dan soal-siasat oleh SB untuk menimbulkan - jikalau boleh - kekecelaruan fikiran dan perasaan takut pada tahanan. Di sini Saari menerangkan enam jenis tujuan yang hendak dicapai oleh SB. Sebaliknya ini menimbulkan rasa benci dan marah beliau sehingga dengan keras dan tegas beliau menganggap bahawa SB itu pembohong. Seterusnya, dalam perkara (c) kita dapati bahawa ketika berinteraksi dengan SB, disoal-siasat dan dizalimi olehnya, Saari dapat mengumpul banyak maklumat tentang sikap serta tindakan SB dan kerajaan tentang beberapa hal yang berkaitan dengan politik. Perihal pentingnya perpaduan Melayu selalu ditekankan. Cara dan jumlah pendatang luar, terutama dari Filipina, telah dapat diketahui dan dijelaskannya dengan agak tepat.

Fitnah terhadap Anwar Ibrahim berkaitan soal seks haram dan luar tabii diulang-ulangkan untuk memaksa orang tahanan percaya. Lebih jelik lagi tahanan dipaksa pula menceritakan pengalaman seks mereka

dan melakonkan secara lucu perbuatan seks itu. Hal ini membuktikan pihak penyoal-siasat bersedia membuat apa saja untuk akhirnya mendapat kemenangan politik ke atas tahanan yang lemah.

Dalam perkara (d) Saari menghuraikan dengan agak terperinci dan memberi nasihat serta peringatan tentang teknik-teknik yang digunakan oleh pegawai-pegawai SB yang penyoal-siasat orang tahanan. Di sini beliau menghuraikan teknik yang digunakan ke atas tahanan Guantanamo dan membandingkan persamaan serta perbezaannya dengan teknik yang digunakan di bawah ISA.

Akhir sekali, dalam perkara (e) Saari memberikan panduan-panduan yang banyak dan berguna terutama sekali bagi bakal mangsa tahanan ISA, khususnya waktu menghadapi soal-siasat oleh pegawai-pegawai SB ketika ditahan di bawah ISA.

Sebagai kesimpulan, bolehlah dikatakan buku ini berjaya mencapai dua hal yang penting. Pertama, dengan memberikan bukti-bukti yang konkrit tentang kezaliman ISA daripada pelbagai aspek dan perspektif, Saari memberikan hujah meyakinkan supaya ISA ditolak dan dihapuskan. Memang benar kini ISA sudah dihapuskan, akan tetapi gantinya SOSMA tidak ubah daripada ISA dan sudah seharusnya dimansuhkan.

Kedua, dengan menghuraikan segala pengalaman yang dilaluinya sendiri dan juga yang dialami oleh ramai orang tahanan lain di bawah ISA di negara ini, dan juga oleh tahanan politik di negara lain, seperti mereka yang ditahan oleh Amerika Syarikat di Guantanamo, Saari berjaya mengemukakan semacam sebuah *manual* lengkap yang boleh memberi panduan serta peringatan berguna kepada bakal orang tahanan bahkan juga mereka yang sedang ditahan.

Buku ini berguna sekali dan penerbitannya sangat dialu-alukan.

Dr Syed Husin Ali

22 Februari 2014

PRAKATA PENULIS

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah Rabbul 'Alamin. Selawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w. Kesejahteraan dan kemuliaan bagi orang-orang yang tetap berazam untuk berjuang menegakkan kebenaran dan keadilan untuk semua.

Buku “Derita Penjara Tanpa Bicara” merupakan satu sudut pandang lain daripada buku “Sengsara Kem Kamunting” yang diterbitkan pada tahun 2011. “Sengsara Kem Kamunting” bermula dengan mengisahkan pengalaman malam pertama saya dan rakan-rakan dihantar ke Kem Kamunting dan seterusnya mengimbau ke belakang beberapa peristiwa dan pengalaman yang belum saya catatkan dalam “Suara Dari Kamunting”. Buku “Suara dari Kamunting” adalah lapan jilid buku yang saya tulis dan diterbitkan semasa saya masih meringkuk di Kem Kamunting.

“Sengsara Kem Kamunting” merupakan perkongsian saya perihal apa yang saya lalui, saya rasai, saya renungi dan pengalaman-pengalaman orang lain yang saya hayati – khususnya pengalaman mereka yang melalui nasib yang sama dipenjarakan di atas motif politik.

“Sengsara Kem Kamunting” merakamkan imbauan pengalaman saya dan rakan-rakan bagi tahun pertama ditahan ISA, iaitu dari April 2001 hingga April 2002. Buku “Derita Penjara Tanpa Bicara” pula merupakan perspektif ibrah, pengalaman serta tarbiyah atau pengajaran yang dikutip daripada kedua-dua “Suara dari Kamunting” dan “Sengsara Kem Kamunting”.

Saya terpenggil untuk menerbitkan buku ini apabila tiba-tiba heboh diperkatakan bahawa pihak kerajaan mahu meminda Akta Pencegahan Jenayah bagi membolehkan ianya digunakan dengan kuasa menahan rakyat tanpa bicara.

Penjara tanpa bicara adalah kejam, zalim dan suatu tindakan yang tidak bertamadun.

Semasa dalam tahanan di Kem Kamunting saya telah membuat kajian mendalam dari prinsip-prinsip hak asasi manusia dan juga dari perspektif Al-Quran dan As-Sunnah tentang perkara ini. Hasilnya adalah sebuah buku yang diterbitkan pada Mei 2003 dengan judul “ISA Undang-undang Haram ... Wajib Dimansuhkan: Apa Pendirian Majlis Fatwa Kebangsaan?”. Buku tersebut dikirimkan kepada Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan dan diedarkan kepada semua Sahibus Samahah Mufti negeri-negeri di Malaysia.

Sehingga kini tiada sebarang jawapan, sunyi sepi dan semuanya diam membisu!

Bagi saya tahanan tanpa bicara adalah nama lain bagi penyeksaan dan penderaan dalam tahanan. Oleh itu, ianya juga bermakna menghalalkan penahanan tanpa bicara samalah dengan menghalalkan penyeksaan.

Buku “Derita Penjara Tanpa Bicara” memperihalkan dan melakarkan kekejaman semasa soal-siasat serta perihalkan dahsyatnya penyeksaan yang dilakukan dalam bilik sulit ISA. Semua itu dilakukan atas nama dan dilindungi oleh undang-undang yang membolehkan kerajaan menahan rakyat tanpa bicara.

Sudahlah sudah. Cukuplah sudah. Negara bertuah ini tidak perlu lagi sebarang undang-undang untuk menahan rakyat tanpa bicara.

Semoga buku ini menyumbang kepada kefahaman rakyat tentang kejam dan zalimnya apa sahaja undang-undang menghukum tanpa bicara. Saya berdoa, agar buku ini seterusnya membangkitkan gelombang besar penolakan rakyat terhadap undang-undang keji seumpama itu.

Kepada para pembaca, terlebih dahulu saya menyusun sepuluh jari memohon maaf kerana ada kalanya saya memaparkan kisah-kisah soal-siasat dengan bahasa yang kasar dan lucah. Bagi tujuan itu saya menggunakan banyak sekali *** bagi menggantikan huruf sebenar. Nasihat saya, baca dan faham sahajalah kalimah-kalimah lucah tersebut dalam hati anda. Jangan sekali-kali dikuatkan bacaannya, takut-takut mengundang dosa!!

Adakalanya juga saya menggunakan bahasa sinis dan sindiran. Kerap juga saya menggunakan bahasa bersahaja dan santai. Semua ini saya lakukan bagi menggambarkan kepada anda perihalkan bobrok, haprak, sadis dan jahanamnya undang-undang penjara tanpa bicara.

Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), khususnya Saudara Chong yang sudi menerbitkan buku ini.

Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dalam Harakahdaily.net terutamanya Ahmad Lotfi Othman, Zulkifli Sulong dan Rashidi yang memberi peluang saya menulis ruangan mingguan dengan tajuk: “Tarbiyah dari Penjara”. Ruangan ini bermula pada 22 Mac 2006 dan berakhir pada 11 Mei 2007. Buku yang berada di tangan anda ini keseluruhannya adalah berasal daripada penulisan dalam ruangan tersebut.

Akhirnya saya ucapkan jutaan terima kasih kepada isteri saya, Aliza Jaafar yang tidak pernah gagal untuk menyemak, membetul serta mencadangkan agar saya menambah butiran-butiran tertentu buku ini. Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan kepada anak-anak kami Anfal, ‘Urwah, Muthanna, Zilal, Marwah, Muhallab dan Wasilah.

Kepada Allah saya serahkan usaha ini dan daripada Allah saya sekeluarga mengharapkan keredhaan-Nya.

Saari Sungib

Ampang-Hulu Kelang

2 April 2014/2 Jamadilakhir 1435

GLOSARI

A. Glosari Organisasi dan Parti Politik:

BA	Barisan Alternatif yang ditubuhkan pada tahun 1999 terdiri daripada parti-parti politik PAS, DAP, PKN dan PRM
BN	Barisan Nasional berpaksikan politik parti perkauman yang diterajui oleh Umno (Melayu), MCA (Cina) dan MIC (India)
DAP	Democratic Action Party
GMI	Gerakan Mansuhkan ISA iaitu gabungan 83 parti politik alternatif dan NGO progresif yang sebulat suara menentang kezaliman ISA serta menuntut ISA dimansuhkan
KeADILan	Singkatan dan gaya ejaan Parti Keadilan Nasional, PKN yang bergabung dengan PRM menjadi PKR
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PKN	Parti Keadilan Nasional
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia

SUHAKAM Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ditubuhkan pada tahun 1999

Umno United Malays National Organisation

B. Glosari Organisasi Risik dan Soal-Siasat:

CIA Central Intelligence Agency iaitu agensi inteligen, risik dan espionaj bagi mengekal dan mengukuhkan hegemoni kuasa politik global Amerika Syarikat

CID Criminal Investigation Department atau Jabatan Siasatan Jenayah di bawah PDRM, Polis DiRaja Malaysia

Gestapo Gestapo (1933 – 1945) adalah polis rahsia yang diwujudkan untuk melindungi kuasa politik Nazi semasa pemerintahan Adolf Hitler di Jerman

Guantanamo Guantanamo Bay Detention Camp yang terletak di kawasan pajakan Amerika Syarikat di Cuba. Diwujudkan pada tahun 2002 dalam kempen Presiden Bush memerangi kumpulan mujahidin yang berjihad menentang kerakusan hegemoni kuasa global Amerika Syarikat mencerooboh Afghanistan dan Iraq

IO Investigating Officer iaitu polis SB yang menjalankan soal-siasat terhadap tahanan ISA yang lebih bermotifkan politik

JN Jabatan Narkotik di bawah PDRM, Polis DiRaja Malaysia

Kem Kamunting Kem yang menempatkan tahanan ISA yang terletak di Kamunting dekat bandar Taiping di utara Perak

KGB Agensi keselamatan yang diwujudkan pada tahun 1954 bagi menjaga kepentingan kuasa

	Soviet Union sehingga kejatuhannya pada tahun 1991
MI5	Military Intelligence, Section 5 iaitu agensi tindakan inteligen, risik dan keselamatan bagi United Kingdom
Mossad	Agensi risik dan inteligen (negara haram) Israel
PRC	Police Rehabilitation Centre (Pusat Pemulihan Polis)
SB	Special Branch atau Polis Cawangan Khas – merupakan polis politik yang diwujudkan bagi melindungi kuasa politik Umno-BN
SAVAK	Polis sulit dan kejam yang diwujudkan oleh Shah Reza Pahlavi pada tahun 1957 sehingga kejatuhan Shah Reza Pahlavi pada tahun 1979. SAVAK dengan bantuan CIA terlibat menyeksa dan membunuh ribuan rakyat Iran yang menentang kezaliman pemerintahan Shah Iran

C. Glosari Nama Tahanan ISA Reformasi:

Badrulamin	Ustaz Dr Badrulamin Bahron. Seorang bekas associate professor, aktivis politik dan tahanan ISA di Kem Kamunting 2001-2003. Kini aktif dalam PKR.
Ezam	Mohamad Ezam Mohd Nor, ahli politik PKN dan tahanan ISA di Kem Kamunting 2001-2003. Kini kembali aktif menyertai Umno dan menjadi Ahli Dewan Negara.
Ghani	Abdul Ghani Harun. Ditahan ISA tetapi dibebaskan oleh mahkamah dan tidak ditahan di Kem Kamunting. Kini kembali aktif dalam Umno.

Gobi	N. Gobalakrishnan. Ditahan ISA tetapi dibebaskan oleh mahkamah dan tidak ditahan di Kem Kamunting. Menjadi Ahli Parlimen selepas Pilihanraya Umum pada tahun 2008 atas tiket PKR dan kini telah meninggalkan Pakatan Rakyat.
Isham Rais	Hishamuddin Rais. Seorang aktivis politik dan tahanan ISA di Kem Kamunting 2001-2003. Kini pengendali blog Tukar-Tiub.
Lukman	Lukman Noor Adam. Seorang aktivis politik PKN dan tahanan ISA di Kem Kamunting 2001-2003. Kini kembali aktif menyertai Umno.
Pak Din	Badarudin Ismail. Ditahan ISA tetapi dibebaskan dan tidak ditahan di Kem Kamunting. Kini aktif dalam kerja-kerja sukarelawan dan hak asasi manusia.
Raja Petra	Raja Petra Kamaruddin. Ditahan dua kali di bawah ISA dan kali kedua dihantar ke Kem Kamunting. Pengendali blog Malaysia-today berpangkalan di Manchester, England.
Tian Chua	Chua Tian Chang. Seorang aktivis politik PKN dan tahanan ISA di Kem Kamunting 2001-2003. Kini Ahli Parlimen Malaysia dan Naib Presiden PKR.

D. Glosari Nama Pemimpin Memenara dan Dipenjara:

Abdullah Badawi	Tun Abdullah Ahmad Badawi. Perdana Menteri Malaysia 2003 – 2006. Mengekalkan ISA sebagai akta yang membolehkan kerajaan menahan rakyat tanpa bicara walaupun SUHAKAM telah mengesyorkan agar ISA dimansuhkan
Abdulla Harun	Imam Abdulla Harun (1924 – 1969) seorang

- ulama dan penggerak penentangan terhadap undang-undang *apartheid* di Afrika Selatan
- Abdul Qadir Awdah Pakar undang-undang dan pemimpin Ikhwan Al-Muslimun seangkatan dengan Hasan Al-Hudhaibi
- Aminah Qutb Adik perempuan Sayyid Qutb yang turut dipenjarakan oleh rejim Jamal Abdul Nasir
- Ashur Shamis Seorang pemimpin kumpulan penentang rejim Gaddafi. Menjadi penasihat kepada kerajaan peralihan Libya
- Hamidah Qutb Seorang lagi adik perempuan Sayyid Qutb yang turut dipenjarakan oleh rejim Jamal Abdul Nasir
- Hasan Al-Banna Hassan Ahmed Abdel Rahman Muhammad Al-Banna (1906 – 1949), pengasas dan pemimpin gerakan Islam Mesir, Ikhwan Al-Muslimun. Mati ditembak oleh ejen-ejen kerajaan di kota Kaherah
- Hasan Al-Hudhaibi Hasan Al-Hudaibi (1891 – 1973), pemimpin gerakan Ikhwan Al-Muslimun yang menggantikan Hasan Al-Banna selepas beliau mati syahid ditembak oleh ejen-ejen kerajaan Mesir
- Hussein Onn Tun Hussein Onn. Perdana Menteri Malaysia 1976 – 1981. Menggunakan ISA terhadap musuh politik dalam dan luar Umno
- Jamal Abdul Nasir Menggulingkan sistem beraja di Mesir dan menjadi Presiden Republik Mesir (1956 – 1970)
- Mahathir Tun Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri Malaysia 1981–2003. Di bawah pentadbiran beliau, merupakan Perdana Menteri yang

Sebagai kesimpulan, bolehlah dikatakan buku ini berjaya mencapai dua hal yang penting. Pertama, dengan memberikan bukti-bukti yang konkrit tentang kezaliman ISA daripada pelbagai aspek dan perspektif, Saari memberikan hujah meyakinkan supaya ISA ditolak dan dihapuskan. Memang benar kini ISA sudah dihapuskan, akan tetapi gantinya SOSMA tidak ubah daripada ISA dan sudah seharusnya dimansuhkan.

Kedua, dengan menghuraikan segala pengalaman yang dilaluinya sendiri dan juga yang dialami oleh ramai orang tahanan lain di bawah ISA di negara ini, dan juga oleh tahanan politik di negara lain, seperti mereka yang ditahan oleh Amerika Syarikat di Guantanamo, Saari berjaya mengemukakan semacam sebuah manual lengkap yang boleh memberi panduan serta peringatan berguna kepada bakal orang tahanan bahkan juga mereka yang sedang ditahan.

Buku ini berguna sekali dan penerbitannya sangat dialu-alukan.

Dr Syed Husin Ali

Penahanan ISA adalah penahanan politik. Oleh itu hanya perkiraan politik sahaja yang menjadi sebab seseorang tahanan politik itu dibebaskan.

Pihak yang membuat keputusan menahan seseorang tahanan politik adalah orang politik. Perkara yang paling tidak disenangi oleh orang politik adalah tekanan politik. Seteguh mana pun kedegilan orang politik itu bertahan menghadapi tekanan politik – tempatan, serantau dan antarabangsa, lambat laun pasti ia akan tumbang juga!

Undur tetap undur juga ia akhirnya!!

Dengan itu seorang tahanan politik mesti bangkit dan lawan! Tentang kezaliman sehabis-habisan. Terus tingkatkan tekanan politik! Jangan duduk diam! Berdiam diri dan membenarkan diri dizalimi adalah satu kezaliman!

Saari Sungib

Ahli Dewan Negeri Selangor



Saari Sungib dilahirkan di Selangor pada 1957. Sekolah rendah di Kuala Lumpur dan menengah di Ipoh. Beliau telah bergiat sebagai aktivis pelajar di United Kingdom sejak 1976.

Dari tahun 1984 hingga 1992 beliau telah menghasilkan sembilan siri buku Risalah Usrah. Semasa memimpin JIM dari 1991 hingga 1999, Saari telah menghasilkan 18 buku sekitar permasalahan dakwah, islah dan reformasi masyarakat.

Saari ditahan di bawah ISA kali pertama pada 12 Oktober 1998 dan kali kedua pada 10 April 2001. Semasa ditahan di Kem Kamunting, dalam tempoh dua tahun Saari telah menulis dan menerbitkan lapan buah buku siri "Suara Dari Kamunting" dan empat buah "Siri Mansuhkan ISA". "Sengsara Kem Kamunting" yang ditulis pada 2006 adalah buku pertama beliau setelah dibebaskan pada 2003.



Strategic
Information
and Research
Development Centre

ISBN 978-967-0630-19-9



9 789670 630199



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TATA MENTERI
PERDANA